Kelembapan Perdagangan Global Dewasa Ini: Masalah Kitaran atau Perubahan Struktur?

Pengenalan

Pertumbuhan perdagangan global mengalami penurunan mendadak pada tahun 2015, sekali gus mencatat kadar pertumbuhan paling perlahan sejak Krisis Kewangan Global 2008 (Global Financial Crisis, GFC) (Rajah 1). Walau bagaimanapun, prestasi perdagangan global yang lebih rendah berbanding dengan aktiviti ekonomi global bukanlah fenomena yang hanya berlaku dalam tempoh kebelakangan ini. Keanjalan perdagangan global, yang dikira berasaskan nisbah pertumbuhan perdagangan dunia kepada pertumbuhan KDNK dunia, telah mengalami trend menurun walaupun sebelum GFC berlaku (Rajah 2), menunjukkan bahawa trend pertumbuhan yang lemah dalam permintaan global pada masa ini hanya sebahagian daripada penjelasan tentang prestasi perdagangan yang sederhana sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Beberapa perubahan struktur mungkin menjadi penyumbang kepada perubahan dinamik antara perdagangan global dengan pertumbuhan global. Rencana ini bertujuan memberikan penjelasan tentang faktor kitaran dan struktur yang mungkin mempengaruhi trend pertumbuhan perdagangan global serta potensi kesan trend ini terhadap Asia.

Rajah 1

Perdagangan Global pada Tahun 2015 Berkembang pada Kadar Paling Perlahan Sejak Krisis



a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Rajah 2

Keanjalan Perdagangan Mengalami Trend Menurun dalam Dekad Kebelakangan ini



a Anggaran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)

Faktor-faktor Kitaran dan Struktur

Kelembapan ekonomi yang berterusan terutamanya dalam beberapa ekonomi maju utama mungkin merupakan faktor utama yang menjelaskan prestasi perdagangan dunia yang sederhana selepas GFC.

Dalam tempoh pra-GFC, ekonomi maju secara kolektif menyumbang hampir dua pertiga daripada jumlah import global (Rajah 3) dan hampir 60% daripada pertumbuhan import global. Walau bagaimanapun, ekonomi-ekonomi ini yang mengalami penguncupan pertumbuhan mendadak serta sistem kewangan yang terjejas ketika krisis itu mengakibatkan permintaan merosot secara berpanjangan, seterusnya mengekang kadar pertumbuhan perdagangan global (Rajah 4).

Rajah 3

Pra-GFC, Kawasan-kawasan Maju Mempunyai Bahagian yang Lebih Tinggi dalam Perdagangan Global



Sumber: Pertubuhan Perdagangan Dunia

Rajah 4

Permintaan Import Pasca-GFC daripada Ekonomi Maju Masih Lemah



Sumber: Pertubuhan Perdagangan Dunia

Secara khusus, pemulihan yang lemah dalam pertumbuhan pelaburan mempunyai implikasi yang besar terhadap aktiviti perdagangan global kerana barangan pelaburan lazimnya mempunyai kandungan import yang tinggi berbanding dengan barangan penggunaan (Constantinescu et al., 2015). Dalam ekonomi maju, pertumbuhan pelaburan kekal lemah walaupun perbelanjaan pengguna telah mencatat pemulihan. Di Eropah, permintaan dalam negeri terus lemah disebabkan oleh pelaksanaan langkah-langkah penjimatan fiskal dan sentimen pelabur yang lemah berikutan kebimbangan terhadap krisis hutang kerajaan di Eropah yang berpanjangan.

Yang nyata, meskipun permintaan yang terus lemah dalam ekonomi maju, aktiviti perdagangan global sepanjang tempoh pasca-GFC tidak merudum. Faktor utama yang menyokong pertumbuhan perdagangan global ialah pemulihan perdagangan dalam kalangan ekonomi sedang pesat membangun (Marinov dan Marinova, 2013), berikutan pemulihan pertumbuhan yang kukuh bagi ekonomi-ekonomi ini dalam tempoh sejurus selepas krisis. Antara tahun 2010 hingga 2011, ekonomi sedang pesat membangun menyumbang hampir empat perlima daripada pertumbuhan KDNK global.

Walau bagaimanapun, kebelakangan ini perdagangan global menghadapi rintangan yang lebih besar. Pada tahun 2015, beberapa ekonomi sedang pesat membangun yang besar mengalami pertumbuhan yang sederhana disebabkan oleh gabungan beberapa faktor. Faktor ini termasuk penurunan harga komoditi yang ketara, pelaksanaan langkah-langkah pembaharuan struktur yang berterusan dan faktor yang khusus untuk sesebuah negara, yang memberikan kesan terhadap tahap permintaan dalam dan luar negeri bagi ekonomi ini. Ketidakpastian yang meningkat pada tahun itu, yang berpunca daripada perubahan dasar dan pelarasan pasaran kewangan dalam beberapa ekonomi utama, juga menyebabkan kesan negatif pada sentimen global, turut menyumbang kepada kelemahan dalam perdagangan global yang terus berkembang walaupun hanya pada kadar yang sederhana.

Melangkaui kelemahan kitaran ini, terdapat juga peranan faktor-faktor struktur, terutamanya kesan yang berkurangan daripada faktor pemangkin utama yang merupakan pemacu penting pertumbuhan perdagangan global yang tinggi seperti yang dicatat sekitar tahun 1990-an dan awal tahun 2000-an. Pertama, percambahan rantaian nilai global (global value chains, GVC) menjadi pemangkin kepada peningkatan pesat perdagangan global bagi barangan pengantara (WTO, 2011). Peningkatan ini sebahagiannya didorong oleh revolusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), yang banyak mengurangkan kos mengurus, berurus niaga dan menyelaras

pengeluaran merentas sempadan (WTO, 2011). Oleh itu, firma-firma lebih berupaya memanfaatkan kelebihan berbanding (comparative advantage) negara-negara lain dengan lebih baik, melalui penyumberan luar dan pengagihan peringkat pengeluaran yang berbeza ke serata dunia.

Kedua, kejayaan penting dalam liberalisasi perdagangan, termasuk pembentukan Kesatuan Eropah (EU)[1] dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), menyebabkan pengurangan tarif dan halangan kawal selia. Hal ini memberikan rangsangan tambahan kepada pengembangan GVC. Bagi Eropah, persekitaran perdagangan yang lebih liberal antara anggota EU telah menyumbang kepada peningkatan perdagangan intra-Eropah sehingga tiga kali ganda, iaitu daripada EUR800 bilion pada tahun 1992 kepada EUR2.9 trilion pada tahun 2014.

Ketiga, penyertaan RR China dalam WTO pada tahun 2001 menandakan perubahan besar dalam landskap perdagangan global. Ekonomi RR China yang semakin terbuka memudahkan peningkatan pesat sektor perkilangannya berikutan aliran masuk pelaburan langsung asing dalam jumlah yang besar. Fenomena perkilangan luar pesisir meningkat berikutan kejayaan firma-firma memaksimumkan ekonomi ikut bidangan (economies of scale) yang ditawarkan oleh GVC dengan lebih baik. Hal ini turut disokong oleh kos pengeluaran yang rendah di negara tuan rumah seiring dengan peningkatan kecekapan dalam proses perkilangan. Seterusnya, bahagian eksport barangan dunia RR China dalam perdagangan global bertambah melebihi dua kali, daripada 5.8% pada tahun 2003 kepada 12.7% pada tahun 2014.

Hipotesis menyatakan bahawa kesan pemangkin daripada faktor-faktor ini mungkin telah mencapai kemuncak, seterusnya menyebabkan keanjalan perdagangan dunia yang lebih rendah berhubung dengan pertumbuhan global. Sejak kebelakangan ini, terdapat tanda-tanda kemunculan trend ke arah lebih banyak aktiviti perkilangan yang ditempatkan semula di dalam sesebuah negara (onshoring) atau dikembalikan ke negara asal dari penempatan di negara luar (re-shoring). Bukti anekdot menunjukkan bahawa semakin banyak syarikat multinasional yang menempatkan semula aktiviti pengeluaran di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah[2].

Pengalaman Asia

Sepanjang beberapa dekad yang lalu, berikutan sejarah orientasi global dan keterbukaan perdagangan yang panjang, Asia telah mendapat manfaat yang besar daripada peningkatan aktiviti perdagangan antarabangsa yang pesat. Kepelbagaian sumber di rantau ini membolehkan setiap ekonomi membuat pengkhususan pada peringkat rangkaian pengeluaran serantau dan global yang berbeza-beza[3]. Kekuatan dalaman yang wujud di rantau ini terus diperkukuh oleh jarak geografi yang dekat antara negara Asia dengan RR China yang sedang pesat berkembang, dalam keadaan hubungan perdagangan yang terus meningkat dengan RR China (Rajah 5). Perdagangan intrarantau berkembang daripada 32% pada tahun 1990 kepada 43% daripada jumlah perdagangan pada tahun 2007, manakala perdagangan barangan di Asia meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 8.9% antara tahun 1990 hingga 2000 dan 16.3% antara tahun 2002 hingga 2007.

Seperti ekonomi maju, aktiviti perdagangan di Asia terjejas teruk semasa GFC. Walau bagaimanapun, ekonomi Asia mengalami pemulihan permintaan yang pantas dalam tempoh beberapa tahun selepas GFC. Pemulihan ekonomi yang kukuh sebahagiannya mungkin disebabkan oleh peningkatan perdagangan dalam rantau Asia dan antara Asia dengan ekonomi sedang pesat membangun lain

[1] Kesatuan Eropah (EU) ditubuhkan pada tahun 1992 apabila Perjanjian Maastricht ditandatangani. Sehingga kini, EU terdiri daripada 28 negara anggota dengan Croatia menjadi anggota terbaharu kesatuan itu pada tahun 2013.

[2] Satu kaji selidik oleh BCG melibatkan eksekutif kanan sektor perkilangan yang berpangkalan di Amerika Syarikat (AS) menunjukkan bahawa lebih banyak pengilang merancang untuk menambah kapasiti pengeluaran di AS, berbanding dengan mana-mana negara lain. Bahagian pengilang yang sedang dalam proses mengembalikan kemudahan pengeluaran ke AS juga semakin meningkat (Boston Consulting Group, 2015).

[3] Peringkat pembangunan yang berbeza dalam kalangan negara Asia membolehkan setiap negara mengambil peluang daripada ciri-ciri keunikan tersendiri untuk membangunkan ekosistem yang saling menyokong, seperti yang dijelaskan oleh ``flying geese model´´ (Kojima, 2000).

yang turut mencatat pertumbuhan memberangsangkan selepas krisis tersebut. Sebagai contoh, perdagangan Asia dengan Amerika Latin, Timur Tengah dan Afrika meningkat daripada 12% pada tahun 2007 kepada 15% daripada jumlah perdagangan Asia pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, gabungan pelbagai rintangan, termasuk kelemahan permintaan dalam ekonomi maju yang berterusan, serta faktor-faktor struktur, seperti kematangan GVC, telah menyumbang kepada pertumbuhan perdagangan yang terus sederhana di rantau ini.

Tambahan lagi, peralihan ekonomi RR China telah memberikan cabaran tambahan kepada ekonomi Asia, khususnya kepada pengeksport bahan-bahan mentah dan barangan pengantara. Kelembapan permintaan akhir RR China akan menjejaskan prestasi eksport rakan perdagangan negara itu. Selain itu, proses transformasi struktur RR China dalam keadaan firma tempatan yang semakin kompetitif telah mendorong kepada penggantian import untuk beberapa alat ganti dan komponen yang biasanya diperoleh dari negara-negara lain, termasuk dari Asia (Kee dan Tang, 2015). Hal ini terbukti apabila import barangan pengantara oleh RR China adalah lebih sederhana daripada pertumbuhan purata sebelum krisis sebanyak 26.5% kepada hanya 3.5% antara tahun 2012 hingga 2014 (Rajah 6).

Rajah 5

Kepentingan RR China sebagai Sumber Permintaan Akhir untuk Asia telah Meningkat



Nota: Permintaan akhir tahun 2014 bagi rantau ini dianggarkan berdasarkan angka pada tahun 2011 diperolehi daripada OECD TiVA

Sumber: OECD Trade in Value Added (TiVA) – pangkalan data Oktober 2015 dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 6

Import Barangan Pengantara RR China telah Menurun



Sumber: UN COMTRADE

Prospek Asia

Dengan kesan trend lepas yang semakin berkurang, hala tuju masa hadapan perdagangan global akan bergantung pada interaksi antara pelbagai peralihan struktur yang sedang berlaku dengan yang baru muncul, dalam landskap ekonomi dan perdagangan global. Antaranya termasuk peralihan ekonomi RR China kepada pertumbuhan yang lebih berasaskan penggunaan, peningkatan bilangan penduduk berpendapatan sederhana dalam ekonomi sedang pesat membangun dan perjanjian perdagangan pelbagai hala baharu. Ketangkasan diperlukan untuk membuat penyesuaian dengan persekitaran yang pantas berubah ini dengan jayanya. Oleh itu, ekonomi perlu mempunyai institusi yang kukuh, fleksibiliti dasar yang mencukupi serta kepelbagaian dalam sumber perdagangan dan pertumbuhan. Berikutan Krisis Kewangan Asia, pembuat dasar di Asia telah melaksanakan pelbagai pembaharuan struktur bagi mengukuhkan daya tahan dan meningkatkan prospek pertumbuhan ekonomi. Pembuat dasar secara khususnya telah memulakan usaha untuk membangunkan asas perkilangan yang teguh, menempatkan ekonomi pada tahap lebih tinggi dalam rantaian nilai serta meningkatkan kecekapan dan daya saing. Pada masa yang sama, langkah-langkah juga telah dilaksanakan untuk memperkukuh permintaan dalam negeri di rantau ini, termasuk meningkatkan fleksibiliti pasaran pekerja dan menambah baik jaring keselamatan sosial.

Kesimpulan

Rencana ini menyatakan faktor-faktor kitaran dan struktur yang telah menyebabkan pertumbuhan perdagangan global dan tahap perdagangan merosot dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Dengan ekonomi global masih menjalani beberapa peralihan yang kritikal ketika ini, sukar untuk membuat kesimpulan sama ada semua trend ini akan berterusan dalam perdagangan global. Walau bagaimanapun, penting bagi ekonomi untuk terus melaksanakan inisiatif dasar yang menjurus ke arah peningkatan daya saing, bagi memperoleh manfaat daripada dunia yang lebih global dan mempersediakan ekonomi untuk menghadapi persekitaran global yang semakin mencabar.

Rujukan

Boston Consulting Group. (2015). `U.S. Is Now the Preferred Location for New Factory Capacity to Serve U.S. Market as Interest in Reshoring Stays Strong´. Diakses pada 16 Februari 2016 di http://www.bcg.com/news/press/10december2015-2015-manufacturing-survey.aspx

Constantinescu, C., Mattoo, A. dan Ruta, M. (2015). `The Global Trade Slowdown: Cyclical or Structural?´ IMF Working Paper No. 15/6. International Monetary Fund. Washington DC.

Kee, H.L., dan Tang H. (2015). `Domestic Value Added in Exports: Theory and Firm Evidence from China´. *Policy Research Working Paper* WPS 7491. The World Bank Group. Washington, D.C.

Kojima, K. (2000). `The ``Flying Geese´´ Model of Asian Economic Development: Origin, Theoretical Extensions, and Regional Policy Implications´. Journal of Asian Economics 11 (2000) 375–40.

Marinov, M. dan Marinova, S. (2013). `The Global Crisis and the World: The Cases of Emerging and Developed Economies´. *Emerging Economies and Firms in the Global Crisis*. Palgrave Macmillan UK.

World Trade Organisation (2011). `Trade Patterns and Global Value Chains in East Asia: From Trade in Goods to Trade in Tasks´. WTO. Geneva, Switzerland.